

الحمد لله الملك القوي السلام، هدانا للإسلام، وشرَّفنا بالصلاة والقيام، والصلاة والسلام على إمام المرسلين، وعلى آله وصحبه وسلم، وبعد.

Bersyukur kepada Allah Taala, kerana dengan rahmat dan kasih sayang-Nya, sekali lagi pada tahun ini kita dipertemukan dengan Ramadhan.

Alangkah bertuah bagi sesiapa yang menyambutnya dengan ibadah dan mengharapakan keampunan dan ganjaran daripada-Nya. Dan alangkah ruginya bagi sesiapa yang tidak bertambah Iman dan amal di bulan berkat ini.

Kini, sepuluh terakhir Ramadhan menjelma lagi. Hanya beberapa hari, Allah Taala menyediakan untuk hamba-hambanya segala kebaikan, ganjaran, keampunan, kelebihan yang tidak mampu dihitung oleh kita.

a) Lailatul Qadar.

Di dalam Ramadhan yang mulia ini Allah SWT menghadiahkan kepada hamba-hambanya satu malam yang sangat berkat iaitu *Lailatul Qadar*. Malam ini dinamakan dengan *Lailatul Qadar*, diambil daripada kalimah *al-Qadar* yang bererti kemuliaan atau kedudukan yang tinggi, kerana malam ini adalah malam yang sangat mulia.

Ataupun diambil daripada kalimah *qadar* atau *taqdir*, kerana pada malam ini Allah SWT memutuskan urusan-Nya dan menetapkan *taqdir* segala perkara.

Firman Allah ﷻ:

﴿ إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ ﴿۱﴾ وَمَا أَدْرَاكَ مَا لَيْلَةُ الْقَدْرِ ﴿۲﴾ لَيْلَةُ

الْقَدْرِ حَمْرٌ مِّنْ أَلْفِ شَهْرٍ ﴿۳﴾ تَنزِيلُ الْمَلَكِ وَالرُّوحِ فِيهَا يُنزَّلُ الْقُرْآنُ ﴿۴﴾

﴿ الْقَدْرِ: ۱-۵ ﴾

Maksudnya: {Sesungguhnya Kami telah menurunkan (al-Quran) pada malam *Lailatul Qadar*. Dan tahukah kamu apakah malam *Lailatul Qadar* itu? Malam *Lailatul Qadar* itu lebih baik daripada seribu bulan. Pada malam itu para malaikat dan malaikat Jibril akan turun dengan izin Tuhan mereka untuk mengatur segala urusan. Pada malam itu penuh dengan kesejahteraan sehinggalah terbit fajar}.

[Surah al-Qadar: 1-5].

Firman-Nya lagi:

﴿ إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ مُبْرَكَةٍ ﴿۱﴾ إِنَّا كُنَّا مُنذِرِينَ ﴿۲﴾ فِيهَا يُفْرَقُ كُلُّ أَمْرٍ

حَكِيمٍ ﴿۳﴾﴾ [الدخان: ۳-۶]

Maksudnya: {Sesungguhnya kami menurunkannya (al-Quran) pada suatu malam yang diberkati (*Lailatul Qadar*) dan sesungguhnya Kami lah yang memberi peringatannya. Pada malam itu dijelaskan segala urusan yang penuh hikmah}. [Ad-Dukhan: 3-6].

Sabda Rasulullah ﷺ:

﴿مَنْ قَامَ لَيْلَةَ الْقَدْرِ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا،

غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ﴾ [البخاري ومسلم]

Maksudnya: “Sesiapa yang bangun (beribadat) pada malam *Lailatul Qadar* dengan penuh keimanan dan *Ihtisab* maka baginya keampunan untuk dosa-dosa yang lepas.” [HR: Al-Bukhari dan Muslim].

Beberapa kelebihan tentang *Lailatul Qadar* yang dapat diambil dari surah al-Qadar antaranya ialah:

- Allah menurunkan al-Quran pada malam tersebut yang mana ia memberi petunjuk kepada manusia dan memberi kebahagiaan di dunia dan akhirat.

- Ia lebih baik daripada 1000 bulan (83 tahun 3 bulan).

- Para Malaikat akan turun ke dunia pada malamnya dengan membawa kebaikan, keberkatan dan rahmat.

- Malam ini adalah malam kesejahteraan sehingga terbitnya fajar. Iaitu kesejahteraan daripada neraka dan azab Tuhan bagi hamba yang menghidupkannya dengan amal ibadah.

Rugilah orang yang mensia-siakan umurnya dengan perkara-perkara yang tidak berfaedah. Tampunglah segera kelalaian yang lalu dengan mencari *Lailatul Qadar*. Sesungguhnya ia menyamai umur manusia bahkan lebih dari itu. Apakah tempoh 83 tahun 3 bulan, sesuatu yang singkat?

Bilakah *Lailatul Qadar*?

• Bulan Ramadhan.

Tidak syak bahawa *Lailatul Qadar* berlaku pada bulan Ramadhan berdasarkan ayat-ayat al-Quran bahawa al-Quran diturunkan pada *Lailatul Qadar*, dan diturunkan pada bulan Ramadhan.

Maka semestinya ia berlaku pada bulan Ramadhan.

Dalam satu hadis, Abu Zar *ra* bertanya kepada Nabi SAW, maksudnya: “Wahai Rasulullah, khabarkan padaku tentang *Lailatul Qadar*, adakah ia pada bulan Ramadhan?” Jawab Baginda SAW: “Bahkan pada bulan Ramadhan”. [HR: Ahmad dan Nasa’i].

• Sepuluh terakhir Ramadhan.

Lebih dikhususkan pada sepuluh terakhir Ramadhan berdasarkan banyak hadis, antaranya hadis *muttafaq alaih*:

﴿تَحَرَّوْا لَيْلَةَ الْقَدْرِ فِي الْعَشْرِ الْأَوَّلِ مِنْ رَمَضَانَ﴾

[متفق عليه]

Maksudnya: “Carilah *Lailatul Qadar* pada sepuluh terakhir daripada Ramadhan”. [HR: Al-Bukhari dan Muslim].

Aisyah *radhiallahu’anha(rah)* meriwayatkan bahawa Rasulullah ﷺ bersungguh-sungguh pada sepuluh terakhir melebihi kesungguhannya pada masa-masa lain.

Aisyah *ra* juga meriwayatkan, maksudnya: “Adalah Nabi SAW pada dua puluh malam terawal mencampurkan antara solat dan tidur. Apabila tiba sepuluh terakhir, Baginda bersungguh-sungguh, dan mengetatkan kainnya”. [HR: Ahmad].

Menghidupkan malam bukan hanya dengan solat, malahan dengan pelbagai jenis ibadah seperti zikir, membaca al-Quran, beristighfar, berdoa dan lain-lain. Oleh itu, apa yang dimaksudkan oleh Aisyah *ra*: “Aku tidak mengetahui Rasulullah pernah mendirikan malam sehingga pagi”, maksudnya Rasulullah SAW tidak pernah solat sahaja sepanjang malam.”

Rasulullah SAW juga mengambil peluang sepuluh terakhir Ramadhan ini dengan mengejutkan ahli keluarganya untuk beribadah. Baginda mahu supaya mereka juga tidak ketinggalan di dalam mendapat kebaikan yang disediakan Allah SWT.

• Tujuh malam terakhir.

Bagi mereka yang tidak mampu menghidupkan pada permulaan sepuluh terakhir, maka boleh memulakan pada tujuh malam terakhir.

Sabda Rasulullah SAW:

﴿الْتِمِسُوهَا فِي الْعَشْرِ الْأَوَّلِ - يَعْنِي لَيْلَةَ الْقَدْرِ - فَإِنْ ضَعُفَ

أَحَدِكُمْ، أَوْ عَجَزَ، فَلَا يُغَلِّبُ عَلَى السَّعْيِ الْبُؤَافِي﴾ [مسلم]

Maksudnya: “Carilah pada sepuluh terakhir. Jika salah seorang di kalangan kamu lemah atau tidak berupaya, maka janganlah dia tertewas pada tujuh yang berbaki lagi.” [HR: Muslim].

• Malam-malam ganjil (21,23,25,27,29).

Malam-malam ini lebih diharapkan adanya *Lailatul Qadar*, kerana *warid* bahawa Nabi SAW menyebut malam-malam tersebut.

• Malam 27 Ramadhan.

Boleh jadi malam yang sangat diharapkan ialah pada malam 27, ini berpandukan kepada hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim daripada Ubai bin Ka’ab *ra* beliau berkata, yang bermaksud: “Demi Allah sesungguhnya aku tahu pada malam bilakah ia, itulah malam yang mana Rasulullah SAW telah menyuruh kami untuk bangun beribadah, iaitu malam yang ke 27,” dan Ubai berkata lagi: “Melalui tanda-tanda dan alamat yang dikhabarkan oleh Rasulullah SAW kepada kami bahawasanya matahari yang akan terbit pada pagi harinya tiada (شعاع) sinarnya”.

Namun ramai ulama’ berpendapat malam *Lailatul Qadar* berpindah di antara malam-malam *witir*, tetapi yang *ghalib* kebanyakannya pada malam 27, dan bukanlah suatu yang tepat sekiranya kita menganggap pada malam tersebutlah sahaja akan berlaku *Lailatul Qadar*. Wallahu a’lam.

Bacaan Malam *Lailatul Qadar*.

Aisyah *ra* berkata: “Wahai Rasulullah, sekiranya aku dipertemukan dengan malam *Lailatul Qadar* apakah yang harus aku ucapkan?” Rasulullah SAW bersabda:

﴿اللَّهُمَّ إِنَّكَ عَفُوٌّ كَرِيمٌ، تُجِبُ الْعَفْوَ فَاغْفِرْ عَنِّي﴾

Maksudnya: “(Ucapkanlah) Wahai Tuhanku, sesungguhnya Engkau Maha Pengampun lagi Pemurah dan suka mengampunkan maka ampunkanlah aku.” [HR: Ahmad, at-Tirmizi, sahih].

Hikmah Disembunyikan *Lailatul Qadar*.

Hikmahnya banyak samada diketahui oleh kita atau tidak. Antara yang jelas ialah:

- Sebagai rahmat kepada hamba-hamba-Nya supaya mereka memperbanyakkan amalan untuk mencari *Lailatul Qadar*. Jika hanya tertentu pada suatu malam, mereka hanya akan bersungguh-sungguh pada satu malam itu sahaja.

- Ujian terhadap hamba-hamba-Nya, supaya nyata siapakah yang benar-benar ingin mendapatkannya, dan nyata siapakah yang hanya berolok-olok, bermain-main dan bersikap sambil lewa.

b) Beri'tikaf:

Antara kelebihan khusus sepuluh terakhir Ramadhan ini, ialah digalakkan beri'tikaf padanya.

Apakah erti i'tikaf?

I'tikaf dari segi *bahasa* ialah: Menahan, menetap, dan melazimi sesuatu.

Dari segi *istilah*, i'tikaf ialah: **Melazimi masjid oleh individu tertentu dengan niat**. Sesetengah ulama' menambah, ".....untuk melakukan ketaatan".

Tujuan ditambah ayat ini untuk memberi isyarat bahawa hendaklah memulakan ibadah ini dengan niat ikhlas kerana Allah. Bukan datang ke masjid kerana ingin berbual-bual dengan rakan-rakan. Bukan juga kerana semata-mata ingin mengasingkan diri dari orang lain. Tetapi mestilah datang untuk membuat ketaatan kepada Allah.

Hukum Beri'tikaf:

Beberapa ulama' ijma' *menaqakan* bahawa hukumnya adalah sunat, tidak wajib. Ia hanya menjadi wajib sekiranya dinazarkan.

Kata Ibnu Shihab: "Alangkah peliknya orang-orang muslimin yang meninggalkan i'tikaf, sedangkan Nabi SAW tidak pernah sekalipun meninggalkannya semenjak Baginda masuk ke Madinah."

Walaupun i'tikaf boleh dilakukan pada bila-bila masa sahaja, tetapi terdapat galakan khusus untuk beri'tikaf pada sepuluh terakhir Ramadhan.

Aisyah *ra* berkata: "Nabi SAW beri'tikaf pada sepuluh terakhir Ramadhan sehingga Allah mewafatkan Baginda.

Kemudian, isteri-isterinya terus beri'tikaf selepasnya". [HR: Al-Bukhari].

Amalan ketika beri'tikaf:

I'tikaf adalah diantara ibadat yang terkumpul di dalamnya banyak amalan-amalan soleh dan ketaatan seperti membaca al-Quran, solat, zikir, doa dan sebagainya.

Satu perkara yang sepatutnya diketahui oleh orang-orang yang beri'tikaf ialah hukum, syarat, peraturan dan adab beri'tikaf.

Secara ringkas, orang yang beri'tikaf tidak dibenarkan keluar dari masjid sehinggalah selesai pada waktu yang sepatutnya.

Keringanan untuk keluar hanyalah untuk memenuhi hajat-hajat yang lazim untuk keperluan diri, seperti mencari makanan dan ke tandas. Sepatutnya mereka juga meninggalkan apa jua urusan yang tidak berkaitan dengan ibadat seperti urusan keduniaan dan cakap-cakap kosong.

Sesetengah ulama' mengatakan digalakkan juga dalam tempoh i'tikaf ini menghadiri majlis-majlis ilmu di masjid tempat i'tikafnya. Ini kerana menuntut ilmu adalah salah satu ibadah kepada Allah SWT sebagaimana sesetengah ulama' salaf mengatakan: "Tiada ibadah kepada Allah yang lebih baik daripada menuntut ilmu".

Hikmah digalakkan beri'tikaf pada sepuluh malam terakhir:

- Supaya seorang muslim lebih terjaga dirinya daripada terlalai dan melakukan larangan Allah. Apabila berada di dalam masjid, peluang untuk membuat maksiat adalah terhad.

- Supaya mudah dan dekat dengan ibadah-ibadah dan ketaatan.

- Mengharapkan supaya bertemu dengan *Lailatul Qadar*, kerana ia hanya berlaku pada sepuluh malam terakhir Ramadhan sahaja.

Penutup:

Sabda Rasulullah SAW sewaktu menaiki mimbar di Madinah:

((رَغِمَ أَنْفَ عَبْدٍ دَخَلَ عَلَيْهِ رَمَضَانَ فَلَمْ يُغْفَرْ لَهُ))

[صحيح ابن خزيمة، السنن الكبرى للبيهقي]

Maksudnya: "Sangat malang, orang yang berkesempatan melalui Ramadhan tetapi tidak diampunkan dosanya". [HR: Ibnu Khuzaimah, al-Baihaqi]

Oleh itu, tidak sepatutnya bagi seorang muslim yang berakal melepaskan peluang yang amat bernilai ini untuk dirinya dan keluarganya. Ia bukanlah satu masa yang panjang. Hanya beberapa malam yang boleh dihitung dengan jari. Boleh jadi, pada malam-malam ini seseorang muslim mendapat pemberian daripada Tuhannya, lalu dia termasuk di kalangan orang yang berbahagia di dunia dan akhirat.

Akhirnya, sama-samalah kita berdoa kepada Allah supaya diberikan kekuatan, taufiq dan hidayah supaya kita semua dapat mengambil peluang keemasan ini. Ia adalah peluang untuk menggandakan amalan dan peluang untuk mendapatkan keampunan Allah SWT. Mudah-mudahan kita dipertemukan dengan *Lailatul Qadar*, malam yang lebih baik dari 1000 bulan dalam keadaan melakukan amal soleh dengan sepenuhnya.

Rujukan:

مجالس رمضان. الدكتور سلمان بن فهد العودة.

حال السلف في رمضان. دار الوطن، الرياض.

رسالة شهر رمضان المبارك. دار الوطن، الرياض.

Sepuluh Terakhir Ramadhan: Satu Pesanan. PPM Madinah 2005.

Akhukum:
Abu Anas Madani, Pondok Sungai Durian, Kelantan.
15 Ramadhan 1428H- 27 Sep 2007.

Sumbangan untuk Pondok Sg. Durian boleh disalurkan melalui akaun di bawah

NAMA AKAUN DI (BIMB)	NO AKAUN
MADRASAH MUHAMMADIAH (Zakat, Derma)	03-072-01-011811-6
MADRASAH MUHAMMADIAH (Pembangunan Asrama / dll)	03-072-01-011983-9
MASJID AR-RAHMAN (Masjid Pondok Sungai Durian)	03-072-01-011294-2



www.dartaibah.com
(Siri 7)

رسالة

شهر رمضان المبارك

Risalah Ramadhan Al-Mubarak (2)

Lailatul Qadar & I'tikaf.

Catatan:
Al-Faqir ila Allah;



www.abuanasmadani.com
1431H - 2010